

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 05 OKTOBER 2013 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Pameran industri makmal, saintifik	Berita Harian
2.	Showing latest lab equipment	New Straits Times
3.	MOSTI galak IPTA, IPTS komersialkan produk	Harian Metro
4.	Geran penyelidikan universiti tidak dikurangkan	Utusan Malaysia
5.	MOSTI seru penyelidik komersialkan produk	Bernamea.com
6.	Kekuatan dalaman rangka dasar inovasi	Berita Harian
7.	MTDC gesa ahli politik, penggubal dasar lebih inovatif rangka dasar	Bernamea.com

# Pameran industri makmal, saintifik

» LabAsia 2013 umum penganjuran kali keempat pada 8 hingga 10 Oktober

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zakyy@bh.com.my

LabAsia 2013 mengumumkan penganjuran kali keempat Pameran dan Persidangan Peralatan Makmal dan Instrumen Sainstifik Antarabangsa yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 8 hingga 10 Oktober ini.

Acara itu yang dianjurkan khusus kepada industri makmal dan saintifik membabitkan profesional seperti ahli kimia, ahli



biokimia, ahli mikro biologi, penganalisis, penyelidik pembangunan, pengurus makmal dan pengurus jamin, dijangka menjadi platform strategik bagi mempamerkan produk terbaru dan peralatan canggih menerusi teknik baru.

LabAsia 2013 yang akan disertai 150 syarikat pempamer dari 23 negara yang mewakili lebih 500 jenama dan syarikat terkemuka, memberi peluang kepada pengunjung melihat secara lebih dekat peralatan canggih terkini dan perkhidmatan analitikal.

## Pameran tiga hari

Pameran selama tiga hari itu juga akan menampilkan lebih banyak syarikat antarabangsa yang akan

ditempatkan di astaka khusus seperti China, India, Singapura dan Jerman, yang mana mendapat sokongan daripada Spectaris iaitu Persatuan Industri Teknologi Jerman dan Kementerian Ekonomi dan Teknologi Jerman.

Acara itu dijangka dihadiri lebih 8,000 pengunjung yang rata-ratanya saintis, penyelidik, ahli kimia dan profesional makmal dari Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

LabAsia 2013 juga akan dianjurkan pelbagai persidangan dan 39 seminar teknikal yang disasar menjadi landasan terbaik pakar industri berkaitan untuk mengembangkan rangkaian perniagaan dan berkongsi pengalaman dengan pemain industri lain.

## Platform perluas rangkaian

Pada masa sama, acara itu turut menyediakan platform bagi Peluang Padanan Perniagaan bagi membantu pengunjung bertemu pengeluar peralatan makmal antarabangsa, sekali gus untuk mengembangkan rangkaian perniagaan termasuk meneroka kepelbagaian produk, teknologi dan perkhidmatan.

Turut diadakan serentak ialah Pameran Bahan Kimia Antarabangsa Malaysia (ChemAsia 2013), Persidangan Pengurusan Air dan Sisa Buangan Air Antarabangsa (ICWWM 2013) dan Simposium Dwi Tahunan Informatik Makmal Serantau (QSEL 2013).

Dianjurkan Institut Kimia Malaysia (IKM), kedua-dua acara iaitu ICWWM dan QSEL bertujuan meningkatkan pengetahuan pengunjung kepada trend semasa berhubung pengurusan makmal dan isu penggunaan, penyelesaian dan pengurusan berkaitan air di rantau ini.

Mendapat sokongan penuh daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan persatuan berkaitan, pameran itu dijangka dirasmikan Menteri MOSTI, Datuk Dr Ewon Ebin dan dihadiri Presiden IKM, Datuk Dr Soon Ting Kueh.

## FAKTA NOMBOR

150 syarikat

pempamer-sertai LabAsia 2013

23 negara

mengambil bahagian

8,000

pengunjung

dijangka hadir

39 seminar

teknikal dan pelbagai persidangan akan dianjurkan pada LabAsia 2013

# Showcasing latest lab equipment

**KUALA LUMPUR:** LabAsia has announced that the 4th edition of Malaysia International Scientific Instrument and Laboratory Equipment exhibition and conference (LabAsia 2013) will be held at Putra World Trade Centre (PWTC) from Tuesday to Thursday.

Dedicated to professionals in the scientific and laboratory industry such as professional chemists, biochemists, microbiologists, analysts, research and development researchers, lab managers, and quality control and assurance managers, LabAsia 2013 promises to be a strategic platform showcasing the latest products and advanced equipment with new techniques. It will present almost 150 exhibiting companies from 23 countries, representing over 500 brands and principals.

Visitors will get learn about the latest scientific equipment and analytical services. More international principals are located at specific

pavilions such as the China, India, Singapore and German pavilions. The German pavilion is supported by Spectaris — German Hightech Industry Association and the German Federal Ministry of Economics and Technology.

More than 8,000 visitors from Malaysia and Southeast Asia are expected.

LabAsia 2013, which is hosting various conferences and 39 technical seminar programmes, is a good platform for industry experts to network and share experiences with members of the industry.

The event provides a connective platform for visitors to meet international laboratory equipment manufacturers to extend their business networks and explore a wider range of products, technology and services.

Held concurrently are ChemAsia 2013, Malaysia International Chemicals Exhibition, International Conference on Water and Waste

Water Management (ICWWM 2013) and 6th Biennial Regional Symposium on Total Laboratory Management Quality, Safety, Environment and Laboratory Informatics (QSEL 2013).

Organised by Malaysian Institute of Chemistry, ICWWM and QSEL will equip visitors with current trends in the region on laboratory management and water usage related issue, solutions and management.

The event has the support of the Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti), Malaysian External Trade Development Corporation (Matrade), related associations and publications. Mosti Minister Datuk Dr Ewon Ebin and IKM president Datuk Dr Soon Ting Kueh are expected to attend.

For details, call ECMI ITE Asia Sdn Bhd at 03-8023 0820, fax 03-8023 0830, email enquiry@ecmi.com.my, or visit www.labasia.com.

## MOSTI galak IPTA, IPTS komersialkan produk

**Johor Bahru:** Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggesa penyelidikan di institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) serta swasta (IPTS) supaya mengkomersialkan produk dihasilkan mereka untuk dipasarkan ke pasaran tempatan dan luar negara.

Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pihaknya mensasarkan 360 produk untuk dipasarkan sebagai persediaan program Tahun Pengkomersialan Negara (MYC) yang akan dilaksanakan tahun depan.

“Budaya inovasi di negara ini sangat tinggi, namun masih ada penyelidik yang tidak yakin dan ragu-ragu untuk mengkomersialkan produk mereka.

“Masalah ini boleh diatasi jika mereka yakin dengan kemampuan produk dihasilkan, sekali gus menarik masyarakat untuk turut mencubanya,” katanya pada majlis penutup Pameran Inovasi dan Produk Komersial (INATEX) kali ke-15 di Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal



DR Abu Bakar

Mahasiswa dan Alumni (HEMA) Prof Dr Mohd Ismail Abd Aziz dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Prof Dr Ruzairi Abd Rahim.

Abu Bakar berkata, pihaknya yakin produk dihasilkan penyelidik tempatan mempunyai keistimewaan tersendiri dan setanding barangan import.

“Saya percaya produk inovasi dihasilkan penyelidik di negara ini berkualiti dan mampu dipasarkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

“Bagaimanapun, mereka perlu meningkatkan inovasi supaya produk dihasilkan boleh dimanfaatkan,” katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 15**  
**TARIKH: 05 OKTOBER 2013 (SABTU)**

## Geran penyelidikan universiti tidak dikurangkan

JOHOR BAHRU 4 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tidak akan mengurangkan jumlah peruntukan bagi geran penyelidikan yang dimohon oleh universiti.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, perkara tersebut penting bukan sahaja bagi memastikan program penyelidikan itu dapat dilaksanakan, malah produk akhir yang dihasilkan adalah berkualiti.

“Adalah penting setiap peruntukan yang dimohon diberikan secukupnya kerana kita mahu produk akhir yang dihasilkan berkualiti dan setimpal dengan jumlah peruntukan diberi.

“Jika ada peruntukan yang dikurangkan sekalipun, ini adalah peringkat universiti lagi bukannya kementerian kerana kita tidak pernah mengurangkan jumlah

bagi geran penyelidikan yang dimohon universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis penyampaian anugerah dan penutupan Pameran Inovasi dan Produk Komersial (Inatex) ke-15 anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni (Hema) UTM, Prof. Dr. Mohd. Ismail Abd. Aziz

Menurut Abu Bakar, kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) telah memperuntukkan sebanyak RM660 juta bagi bidang penyelidikan termasuklah untuk kegunaan universiti.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 360 produk penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh universiti akan dikomersialkan sempena Tahun Pengkomersialan Produk Inovasi pada 2014.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 5 OKTOBER 2013 (SABTU)**



## **MOSTI Seru Penyelidik Komersialkan Produk**

JOHOR BAHRU, 4 Okt (Bernama) -- **Kementerian Sains Inovasi dan Teknologi (MOSTI)** menggesa penyelidik di institusi penyelidikan serta institut pengajian tinggi awam dan swasta agar mengkomersialkan produk mereka ke pasaran tempatan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata pihaknya menyasar 360 produk untuk dipasar sebagai persediaan Program Tahun Pengkomersialan Negara (MYC) yang bakal dilaksana tahun depan.

"Budaya inovasi di negara ini sangat tinggi namun masih ada penyelidik yang tidak yakin dan ragu-ragu untuk mengkomersilkan produk mereka.

"Masalah ini boleh diatasi sekiranya mereka percaya dan yakin dengan kemampuan produk dihasilkan sekali gus menarik masyarakat untuk turut mencubanya," katanya kepada pemberita pada majlis penutup Pameran Inovasi dan Produk Komersil (Inatex) kali ke-15 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni (Hema) Profesor Dr Mohd Ismail Abd Aziz serta Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Profesor Dr Ruzairi Abd Rahim.

Dr Abu Bakar berkata pihaknya yakin produk yang dihasilkan penyelidik di negara ini mempunyai keistimewaan tersendiri dan setanding barangan import.

Beliau turut mengulas syarat permohonan bagi mendapatkan geran penyelidikan MOSTI.

"Sebenarnya, Mosti tidak meletakkan syarat ketat kepada penyelidik yang mengemukakan permohonan geran peruntukan, sebaliknya sentiasa komited untuk memenuhi kehendak pemohon.

Dalam perkembangan lain, Dr Abu Bakar memaklumkan sehingga Ogos tahun ini, sejumlah 58.2 peratus saintis bagi setiap 10,000 tenaga kerja sudah dilahirkan.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B2**  
**TARIKH : 05 OKTOBER 2013 (SABTU)**

## **Kekuatan dalam rangka dasar inovasi**

**Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC)** meminta ahli politik dan penggubal dasar perlu inovatif dan mengambil kira kekuatan dalaman negara serta saiz jurang sedia ada ketika merangka dasar inovasi.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Norhalim Yunus, berkata berkaitan indeks global, setiap negara perlu menanda aras berbanding negara dalam kelompok mereka dan bukannya negara yang berada di senarai teratas.

Beliau juga menekankan kepentingan memupuk budaya yang menggalakkan dan menyokong keusahawanan.

“Usahawan yang lebih fokus, berupaya dan mendapat dorongan perlu dilahirkan bagi mengambil teknologi daripada badan penyelidikan dan pembangunan untuk di bawa ke pasaran,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Mengikut kenyataan MTDC itu, Norhalim berkata demikian ketika berkongsi pengalaman dan pandangannya mengenai langkah Menggalakkan Pembinaan Kapasiti Teknologi dan Mengukuhkan Daya Saing Perdagangan di Ekonomi Asia, pada Forum Awam, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Geneva, Switzerland.



## MTDC Gesa Ahli Politik, Penggubal Dasar Lebih Inovatif Rangka Dasar

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Ahli politik dan penggubal dasar perlu inovatif dan mengambil kira kekuatan dalaman negara serta saiz jurang sedia ada semasa merangka dasar inovasi, kata [Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd \(MTDC\)](#).

[Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Norhalim Yunus](#) dalam satu kenyataan hari ini berkata berkaitan indeks global, negara-negara perlu menanda aras berbanding negara dalam kelompok mereka dan bukannya negara yang berada di senarai teratas.

Beliau juga menekankan kepentingan memupuk budaya yang menggalakkan dan menyokong keusahawanan.

"Usahawan yang lebih fokus, berupaya dan mendapat dorongan perlu dilahirkan bagi mengambil teknologi daripada badan penyelidikan dan pembangunan untuk di bawa ke pasaran," katanya.

Menurut kenyataan MTDC itu, Norhalim berkata demikian ketika beliau berkongsi pengalaman dan pandangannya tentang Menggalakkan Pembinaan Kapasiti Teknologi dan Mengukuhkan Daya Saing Perdagangan di Ekonomi-Ekonomi Asia, di Forum Awam, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Geneva, Switzerland.

Beliau merupakan seorang daripada penceramah sesi di Forum tersebut yang diadakan pada 1-3 Okt.

Semasa sesi tersebut beliau juga berkata perdagangan dan inovasi mempunyai kaitan secara simbolik.

"Jika anda mempunyai usahawan yang baik dalam perdagangan, ia akan merangsang inovasi, dan jika anda mempunyai usahawan yang inovatif, ia akan merangsang perdagangan.

"Namun begitu persoalan utama ialah, adakah anda memiliki usahawan yang baik dan berkualiti yang mempunyai dorongan dan wawasan untuk membangunkan perdagangan dan inovasi?," ujarinya.

Forum Awam 2013 itu membincangkan masa depan perdagangan dalam era inovasi dan pendigitalan dan menumpukan kepada perspektif Asia.

Ia juga membincangkan topik-topik utama yang termasuk antara lainnya, rasional dasar teknologi dan kesan import teknologi dalam pembuatan Asia, serta pengukuhan daya saing perindustrian menerusi penyelidikan dan pembangunan.

Forum Awam WTO itu merupakan acara tahunan yang menyediakan wadah bagi perbahasan awam dalam pelbagai isu dan topik perdagangan WTO.

MTDC ialah unit Khazanah Nasional Bhd dan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menggalakkan teknologi menerusi pengkomersilan dan aktiviti pemerolehan teknologi.